

► Membaca

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan pendapat tentang idea yang terkandung dalam bahan. **SP 2.4.1**

Bahan 1

“Saya nak berniaga, cikgu, bukan bekerja di restoran.” Aku cuba menolak tawaran itu.

“Mulakan dari bawah, Mat. Abang saya dulu cuci pinggan mangkuk saja. Sekarang, dah dua buah restorannya.”

“Betul ke, cikgu?”

“Pernahkah saya membohongi kamu?”

Dalam diam-diam terpercik juga rasa kagum dalam hatiku. Daripada seorang pencuci pinggan mangkuk menjadi tauke restoran di tengah kota. Kalau dia boleh buat, mengapa aku tidak? Pertanyaan itupun mengetuk-ngetuk benakku.

Dipetik daripada cerpen “Hikayat Mat Jenin”
antologi *Anak Bumi Tercinta*
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

KEDAI UNTUK DISEWA

012-3456789

Lokasi: Bandar Kinrara, Puchong

- Lot tepi yang sesuai untuk perniagaan restoran
- Kawasan yang padat dengan penduduk

mencapai kejayaan

cawangan baharu

lokasi sesebuah restoran

selok-belok perniagaan

pengusaha restoran

Pada pendapat saya, kerjaya sebagai (1) _____ merupakan kerjaya yang menguntungkan. Minat dan kesungguhan akan mendorong seseorang itu untuk (2) _____ dalam bidang ini. Tambahan pula, perniagaan restoran mendapat sambutan dalam kalangan penduduk di bandar. Oleh itu, (3) _____ sangat penting bagi memastikan jumlah pelanggan yang banyak. Namun, seseorang itu haruslah mempelajari (4) _____ terlebih dahulu sebelum membuka restoran. Apabila sudah berjaya, mereka berpeluang untuk mengembangkan perniagaannya dengan membuka (5) _____. Kesimpulannya, kerjaya ini wajar diceburi oleh anak-anak muda pada masa ini.

(A) Kamus Mini

1. tauke – saudagar, tuan punya sesebuah kedai, tuan punya sesebuah badan perniagaan
2. benak – otak, isi kepala
3. lot – bidang tanah yang ukurannya berbeza-beza
4. selok-belok – hal-hal yang berkaitan dengan sesuatu yang lain
5. cawangan – cabang atau bahagian daripada sesuatu yang lebih besar seperti pertubuhan